



TEKS RAKAMAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PROJEK SISTEM PINTAR KAWALAN TRAFIK MBMB
(SPIKTRA-M)
TARIKH: 25 OKTOBER 2021 (ISNIN), MASA: 10.00 PAGI
BERTEMPAT DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Tuan-tuan, Puan-puan serta sidang penonton sekalian,

Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di atas pencapaian memperkenalkan satu lagi teknologi baharu dinamakan Sistem Pintar Kawalan Trafik – MBMB atau ringkasnya, SPIKTRA-M.

Saya amat berbangga kerana bandar raya Melaka akan dilengkapi dengan teknologi baharu dinamakan SPIKTRA-M bagi menangani masalah kesesakan trafik selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Saya percaya, teknologi ini sangat efektif kerana ia dapat menjimatkan masa perjalanan dan paling penting, teknologi ini selamat digunakan oleh pengguna jalan raya.

Memetik kata-kata mendiang Steve Jobs ***“Let’s go invent tomorrow instead of worrying about what happened yesterday”***. Akhir kata, semoga Melaka terus maju ke hadapan dengan inovasi dan revolusi mengikut arus pemodenan. Tahniah MBMB!

